

29/10/1998

PM, Sultan Brunei adakan rundingan

Lichong Angkui

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan tiba di sini pagi esok, dijadual mengadakan rundingan empat mata dengan Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah, di Istana Nurul Iman pada sebelah petang.

Pada pertemuan itu, kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan beberapa isu termasuk soal kegawatan ekonomi serantau serta hubungan dan kerjasama kedua-dua negara.

Pertemuan itu diadakan sejurus selepas majlis menghadap Sultan Brunei yang juga Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Rundingan itu adalah pertemuan kedua Dr Mahathir dan Sultan Brunei, di sini tahun ini, selepas lawatan terakhir Perdana Menteri pada Februari lalu.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bandar Seri Begawan kira-kira jam 10 pagi esok.

Kemudian Perdana Menteri dijadual menghadiri majlis penyerahan sumbangan rakyat Malaysia dan perwakilan kepada Dana Khas Negara di Rumah Malaysia, di sini, diikuti jamuan tengah hari yang diberikan oleh Pesurujaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Wan Yusof Embong dan isteri, Kamariah Abd Kadir bagi meraikan Perdana Menteri serta rombongan.

Pada sebelah malamnya pula, Dr Mahathir akan menghadiri jamuan makan malam yang diberikan Sultan Brunei di Kelab Polo Jerudong.

Dalam pada itu, Dr Siti Hasmah mempunyai acara berasingan pada sebelah petang esok iaitu melawat ke Hospital Ripas dan Kompleks Yayasan Sultan Hassanal Bolkiah.

Sementara pada Jumaat, Dr Mahathir akan menghadiri santapan pagi bersama Sultan Brunei di Kelab Polo Jerudong sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur.

(END)